

26/03/2003

Sokongan Singapura, Filipina tidak jejas kestabilan Asean

Shamsul Kamal Amarudin; Haswari Ali

KUALA LUMPUR: Kestabilan rantau ini tidak terjejas walaupun ada kalangan negara Asean seperti Singapura dan Filipina menyokong serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak, semalam berkata ini kerana negara Asean lain mempunyai pendirian sama dengan Malaysia, iaitu berperang bukan jalan penyelesaian kepada masalah antara negara.

Ditanya sama ada pendirian dua negara itu akan mengancam keselamatan negara Asean lain, Najib berkata: "Majoriti negara Asean bersama dengan Malaysia, cuma yang berbeza ialah Singapura dan Filipina".

Katanya, pendirian Singapura yang berbeza dengan Malaysia dan majoriti negara Asean sudah dijangka sebab ada hubungan erat negara itu dengan Amerika dalam bidang tertentu.

Beliau diminta mengulas kekesalan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berikutan tindakan Singapura menyokong peperangan diketuai Amerika terhadap Iraq.

Pada sidang media di lobi Parlimen, kelmarin, Perdana Menteri berkata, pendirian itu agak malang kerana jika Singapura menyokong perang sebagai jalan penyelesaian masalah antara negara, ia juga harus menjangka perang dilakukan terhadapnya.

Singapura sebelum ini menyatakan sanggup menyediakan kemudahan kepada tentera Amerika bagi kempen serangan terhadap Iraq dan kini meningkatkan kawalan keselamatan bagi menghalang kemungkinan serangan pengganas.

Najib berkata, Singapura mungkin tidak menghadapi banyak masalah memantau keselamatan dalaman kerana ia sebuah negara pulau yang kecil.

Terdahulu, Najib menerima kunjungan hormat Panglima Angkatan Tentera Singapura, Lt Jen Lim Chuan Poh serta Wakil Kementerian Pertahanan Perancis, Francois Phibault, di pejabatnya.

Sementara itu, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata pencerobohan terhadap Iraq tidak

memberi kesan mendalam terhadap industri pelancongan negara kerana Malaysia disifatkan sebagai negara paling selamat di rantau ini.

"Sejak mula jadi menteri pelancongan, pelbagai masalah dihadapi sektor pelancongan seperti jerebu, wabak kuku, serangan 11 September di Amerika, pengeboman di Bali, virus pneumonia dan terbaru peperangan di Iraq.

"Semua masalah ini boleh menjejaskan industri pelancongan, tetapi kita tidak dapat mengelak kerana sampai bila-bila ada saja masalah yang akan timbul.

"Bukan Malaysia saja yang akan menghadapi masalah, malah turut membabitkan negara Asia lain," katanya kepada pemberita selepas pelancaran

Malaysia Alu-Alukan Visa di sini, semalam.

Bagaimanapun, pihak yang terbabit dalam sektor pelancongan, termasuk kementerian sentiasa berusaha memastikan industri itu lancar bagi menarik

pelancong asing.

Tahun lalu, industri pelancongan negara menarik kira-kira 13.3 juta

pelancong dengan mengumpul lebih RM25 bilion tukaran asing.

Kadir juga tidak menafikan kesan perang menyebabkan berlaku pembatalan penerbangan ke negara ini, terutama pelancong dari Eropah.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan rakyat tidak bertindak melulu bagi membantah keangkuhan Amerika, sebaliknya memberikan tumpuan terhadap industri pelancongan dalam negara seperti kempen Cuti-cuti Malaysia.

Kadir yakin kempen Malaysia Alu-Alukan Visa bukan saja mampu mempromosikan Malaysia di luar negara, malah membantu menarik lebih ramai pelancong asing ke negara ini.